# BAB 1 TAKRIF DAN TAFSIRAN

## BAHAGIAN A – TAKRIF

### 1.01 Takrif

Dalam Kehendak-kehendak ini, melainkan konteks menghendaki maksud yang lain -

| | |
|---|---|
| penerimaan masuk | ertinya penerimaan masuk sekuriti ke dalam Senarai Rasmi Bursa dan "**diterima masuk**" akan ditafsirkan dengan sewajarnya. |
| penasihat | berhubung dengan sesuatu perbadanan tersenarai, ertinya –<br>(a) seorang Penasihat atau Penaja;<br>(b) seseorang yang dibenarkan menjalankan aktiviti terkawal iaitu memberikan nasihat tentang kewangan korporat bawah CMSA;<br>(c) seseorang penasihat kewangan, peguam, akauntan, penilai, atau mana-mana orang lain yang diambil khidmat oleh sesuatu perbadanan tersenarai untuk memberikan nasihat atau perkhidmatan professional berhubung dengan perkara yang ditadbir oleh Kehendak-kehendak ini; atau<br>(d) mana-mana orang lain yang bertindak sebagai seseorang penasihat, mengemukakan, menyerahkan atau menzahirkan sesuatu permohonan, pekeliling atau mana-mana dokumen kepada Bursa bagi pihak pemohon atau perbadanan tersenarai. |
| Penasihat | ertinya seseorang yang berdaftar dalam Daftar Penaja yang telah dilantik oleh perbadanan tersenarai untuk melaksanakan cadangan korporat yang memerlukan perkhidmatan Penasihat sepertimana ditetapkan oleh Bursa. |
| pindaan | berhubung dengan sesuatu dokumen atau maklumat, termasuk apa-apa penambahan, pemotongan, pengubahsuaian atau pengubahan mana-mana bahagian dokumen atau maklumat tersebut dan "dipinda" akan ditafsirkan dengan sewajarnya. |
| pemohon | ertinya sesuatu perbadanan yang memohon untuk penerimaan masuk sekuritinya. |
| piawai perakaunan yang diluluskan | berhubung dengan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB), mempunyai erti yang diberikan dalam seksyen 2 Akta Laporan Kewangan 1997, tetapi tidak termasuk Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia atau piawaian yang setaraf dengannya. |

| | |
|---|---|
| sekutu | berhubung dengan mana-mana orang (dirujuk sebagai "**Orang tersebut**") ertinya seseorang yang termasuk dalam mana-mana satu daripada kategori berikut:<br><br>(a) seorang anggota keluarga Orang tersebut;<br><br>(b) seorang pemegang amanah suatu amanah (selain seorang pemegang amanah suatu skim syer bagi pekerja atau skim pencen) di mana Orang tersebut atau seorang anggota keluarga Orang tersebut merupakan benefisiari tunggal;<br><br>(c) seseorang, atau jika pihak itu ialah sesuatu pertubuhan perbadanan, pertubuhan perbadanan itu atau pengarahnya, yang pada kebiasaannya atau berkewajipan, sama ada secara formal atau tidak formal, bertindak mengikut arahan, petunjuk atau kemahuan Orang tersebut;<br><br>(d) seseorang, atau jika pihak itu ialah sesuatu pertubuhan perbadanan, pertubuhan perbadanan itu atau pengarahnya, yang mana arahan, petunjuk atau kemahuan mereka Orang tersebut biasanya atau berkewajipan, sama ada secara formal atau tidak formal, untuk bertindak;<br><br>(e) suatu pertubuhan perbadanan yang pengarah, pemegang syer atau anggota keluarga Orang tersebut berhak untuk menjalankan, atau mangawal penjalanan, tidak kurang daripada 20% undi yang diberikan kepada syer mengundi dalam pertubuhan perbadanan itu; atau<br><br>(f) sesuatu pertubuhan perbadanan yang merupakan suatu perbadanan yang berhubungan dengan Orang tersebut. |
| syarikat bersekutu | mempunyai erti yang telah diberikan kepada istilah "**sekutu**" mengikut piawaian perakaunan yang dikeluarkan atau diterima pakai oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia. |
| juruaudit | ertinya seseorang juruaudit yang didaftar sebagai juruaudit berdaftar atau diiktiraf sebagai juruaudit yang diiktiraf bawah seksyen 31O Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993. |
| Lembaga Pemantauan Audit | ertinya badan yang ditubuhkan di bawah seksyen 31C Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993. |
| Bank Negara Malaysia | ertinya Bank Negara Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009. |
| Lembaga | berhubung dengan Bursa, ertinya lembaga pengarah Bursa. |
| lot dagangan | berhubung dengan mana-mana sekuriti yang disebut harga di Senarai Rasmi, ertinya suatu kumpulan sekuriti yang terdiri daripada 100 unit atau apa-apa jumlah lain sekuriti yang dibenarkan oleh Bursa untuk didagangkan di pasaran saham. |

| | |
|---|---|
| tarikh tutup buku | ertinya masa dan tarikh yang ditetapkan oleh perbadanan tersenarai bagi tujuan menentukan kelayakan untuk dividen, faedah, sekuriti baharu atau pengagihan lain atau hak pemegang sekuritinya. |
| Syarikat Tunai | ertinya seseoranf perbadanan tersenarai yang asetnya secara penyatuan, terdiri daripada 70% atau lebih wang tunai atau pelaburan jangkamasa pendek, atau mana-mana kombinasi kedua-duanya, yang telah dianggap oleh Bursa sebagai Syarikat Tunai di bawah Kaedah 8.03. |
| pertukaran ahli lembaga pengarah perbadanan tersenarai | berhubung dengan suatu perbadanan tersenarai, ertinya suatu pertukaran dalam tempoh 12 bulan dari tarikh perolehan -<br>(a) sekurang-kurangnya separuh daripada keanggotaan lembaga pengarah perbadanan tersenarai itu; atau<br>(b) sekurang-kurangnya satu pertiga daripada keanggotaan lembaga pengarah perbadanan tersenarai, termasuk ketua eksekutif. |
| ketua eksekutif | berhubung dengan sesuatu perbadanan, ertinya pegawai eksekutif utama perbadanan itu pada masa ini, walau apapun gelarannya, dan sama ada dia adalah seorang pengarah atau tidak. |
| ketua pegawai kewangan | berhubung dengan sesuatu perbadanan, ertinya seseorang yang secara terutamanya bertanggungjawab bagi pengurusan hal ehwal kewangan perbadanan (seperti penyimpanan rekod, perancangan kewangan dan pelaporan kewangan), walau apapun gelarannya. |
| Akta Syarikat | ertinya Akta Syarikat 2016. |
| pemegang syer mengawal | ertinya mana-mana orang atau kumpulan orang yang secara bersesama berhak untuk menjalankan atau mengawal penjalanan lebih daripada 33% syer mengundi dalam sesuatu syarikat (atau apa-apa peratusan lain sebagaimana yang ditetapkan dalam Kod Pengambilalihan dan Percantuman sebagai tahap yang memulakan suatu tawaran umum wajib) atau yang boleh mengawal keanggotaan majoriti lembaga pengarah syarikat tersebut. |
| sekuriti boleh tukar | ertinya sekuriti yang boleh ditukar atau dilaksanakan, menurut terma penerbitannya, kepada syer. |
| perniagaan teras | ertinya perniagaan yang merupakan sumber utama bagi hasil operasi atau keuntungan selepas cukai sesuatu perbadanan dan yang terdiri daripada aktiviti utama perbadanan itu dan subsidiarinya. |
| perbadanan | mempunyai erti yang diberikan dalam seksyen 2(1) CMSA. |
| sekuriti hutang | ertinya debentur, saham pinjaman atau surat cara lain yang seumpamanya yang mengesahkan, atau merupakan keterangan keberhutangan, sama ada bercagar atau tidak bercagar, dan sama ada boleh ubah atau tidak. |

| | |
|---|---|
| sekuriti deposit | ertinya sekuriti yang berada pada kredit suatu akaun sekuriti dan termasuk sekuriti dalam akaun sekuriti yang dalam gantungan. |
| pendeposit | ertinya pemegang suatu akaun sekuriti yang diwujudkan oleh Depository. |
| Depositori | ertinya Bursa Malaysia Depository Sdn. Bhd. |
| bank depositori | berhubung dengan resit depositori, ertinya penerbit resit depositori itu. |
| resit depositori | ertinya suatu sekuriti yang memberikan hak kepada pemegang berdaftar untuk memiliki kuantiti yang ditetapkan bagi sekuriti yang disenaraikan dalam Bursa Saham yang Diiktiraf. |
| pengarah | mempunyai erti yang diberikan dalam seksyen 2(1) CMSA. |
| Skim Pelaburan Semula Dividen | ertinya suatu skim yang membolehkan pemegang syer melabur semula dividen tunai kepada syer baharu. |
| Skim Syer Pekerja | secara kolektif ertinya Skim Penerbitan Syer dan Skim Pemberian Syer. |
| Bursa | ertinya Bursa Malaysia Securities Berhad. |
| Syarikat Pemegangan Bursa | ertinya Bursa Malaysia Berhad. |
| pakar | termasuk seseorang jurutera, penilai, akauntan dan mana-mana orang lain yang berdasarkan profesionnya memberi kewibawaan kepada suatu pernyataan yang dibuat olehnya. |
| keluarga | berhubung dengan seseorang ertinya orang yang tergolong dalam mana-mana kategori berikut:<br><br>(a) suami atau isteri;<br><br>(b) ibu atau bapa;<br><br>(c) anak termasuk anak angkat dan anak tiri;<br><br>(d) adik-beradik; dan<br><br>(e) suami atau isteri kepada orang yang dirujuk dalam sub-Kaedah (c) dan (d) di atas. |
| perbadanan asing | ertinya suatu entiti yang diperbadankan di luar Malaysia. |
| Syarikat GN3 | mempunyai erti yang diberikan dalam Kaedah 8.04. |
| penasihat atau pakar bebas | ertinya penasihat atau pakar yang tidak terikat dengan pengurusan dan lembaga pengarah pemohon atau perbadanan tersenarai yang melantiknya dan bebas daripada sebarang urusan atau hubungan lain yang boleh menjejaskan pertimbangan bebas oleh penasihat atau pakar itu. |

| | |
|---|---|
| pengarah bebas | ertinya seseorang pengarah yang tidak terikat dengan pengurusan dan bebas daripada sebarang urusan atau hubungan lain yang boleh menjejaskan pertimbangan bebasnya atau keupayaannya untuk bertindak demi kepentingan terbaik pemohon atau perbadanan tersenarai. Tanpa mengehadkan keluasan makna tersebut, seseorang pengarah bebas ialah seseorang yang - |

(a) bukan seorang pengarah eksekutif pemohon, perbadanan tersenarai atau mana-mana perbadanan yang berhubungan pemohon atau perbadanan tersenarai (setiap perbadanan itu dirujuk sebagai "**Perbadanan tersebut**");

(b) bukan, dan tidak pernah dalam tempoh 3 tahun terdahulu, menjadi seorang pegawai (kecuali sebagai pengarah bebas) Perbadanan tersebut. Bagi maksud ini, "**pegawai**" mempunyai erti yang telah diberikan dalam seksyen 2 Akta Syarikat;

(c) bukan seorang pemegang syer utama Perbadanan tersebut;

(d) bukan seorang anggota keluarga mana-mana pengarah eksekutif, pegawai atau pemegang syer utama Perbadanan tersebut;

(e) tidak bertindak sebagai penama atau wakil mana-mana pengarah eksekutif atau pemegang syer utama Perbadanan tersebut;

(f) tidak pernah dilantik sebagai penasihat Perbadanan tersebut dalam hal keadaan yang ditentukan oleh Bursa, atau kini bukan seorang rakan kongsi, pengarah (kecuali sebagai pengarah bebas) atau pemegang syer utama, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebuah firma atau perbadanan yang menyediakan perkhidmatan penasihat profesional kepada Perbadanan tersebut dalam hal keadaan yang ditentukan oleh Bursa; atau

(g) tidak terlibat dalam apa-apa transaksi dengan Perbadanan tersebut dalam hal keadaan yang ditentukan oleh Bursa, atau kini bukan seorang rakan kongsi, pengarah atau pemegang syer utama, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebuah firma atau perbadanan (selain subsidiari pemohon atau perbadanan tersenarai) yang terlibat dalam mana-mana transaksi dengan Perbadanan tersebut dalam keadaan yang ditentukan oleh Bursa.

*[Rujukan silang: Nota Panduan 9]*

| | |
|---|---|
| projek infrastruktur | ertinya suatu projek yang mewujudkan struktur fizikal asas atau tapak bagi penyampaian barang dan perkhidmatan awam penting yang perlu demi pembangunan ekonomi sesebuah negeri, wilayah atau negara, seperti pembinaan dan pengendalian jalan raya, jambatan, terowong, landasan kereta api, sistem alihan massa, pelabuhan laut, lapangan terbang, sistem air dan kumbahan, sistem pembetungan, loji janakuasa, sistem bekalan gas dan sistem telekomunikasi. |
| tersenarai | ertinya diterima masuk ke dalam Senarai Rasmi dan tidak dikeluarkan, dan "**penyenaraian**" akan ditafsirkan sewajarnya. |
| perbadanan tersenarai | ertinya sesuatu perbadanan yang sekuritinya atau mana-mana kelas sekuritinya telah diterima masuk ke dalam Senarai Rasmi dan tidak dikeluarkan. |
| syarikat bersekutu utama atau subsidiari utama | ertinya syarikat bersekutu atau subsidiari, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang menyumbang 70% atau lebih keuntungan sebelum cukai atau jumlah aset digunakan perbadanan tersenarai secara penyatuan. |
| pemegang syer utama | ertinya seseorang yang mempunyai kepentingan atau kepentingan-kepentingan dalam satu atau lebih syer mengundi dalam suatu perbadanan dan bilangan atau bilangan agregat syer-syer tersebut, adalah –<br><br>(a) 10% atau lebih daripada jumlah bilangan syer mengundi dalam perbadanan itu; atau<br><br>(b) 5% atau lebih daripada jumlah bilangan syer mengundi dalam perbadanan itu, jika orang itu ialah pemegang syer terbesar dalam perbadanan itu.<br><br>Bagi maksud takrif ini, "**kepentingan**" hendaklah mempunyai erti "**kepentingan dalam syer**" yang diberikan dalam seksyen 8 Akta Syarikat. |
| hari pasaran | ertinya hari apabila pasaran saham Bursa terbuka untuk dagangan sekuriti. |
| MCCG | ertinya Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia. |
| anggota | termasuk seseorang pendeposit yang akan dianggap seolah-olah dia adalah anggota menurut seksyen 35 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 tetapi tidak termasuk Depositori selaku pemegang amanah biasa. |
| aset bersih | merujuk kepada aset bersih yang berkaitan dengan pemegang ekuiti biasa perbadanan tersenarai. |
| tawaran untuk jualan | ertinya suatu pelawaan oleh, atau bagi pihak, pemegang sekuriti sedia ada untuk membeli sekuriti sesuatu perbadanan yang telah diterbitkan atau diumpukkan. |

| | |
|---|---|
| tawaran bagi langganan | ertinya suatu pelawaan oleh, atau bagi pihak, sesuatu perbadanan, untuk melanggan sekuriti perbadanan itu yang belum diterbitkan atau diumpukkan. |
| pegawai | (a) berhubung pemohon, perbadanan tersenarai, atau perbadanan yang berhubungan dengannya, ertinya ketua eksekutif, ketua pegawai operasi, ketua pegawai kewangan atau mana-mana orang lain yang secara terutamanya bertanggungjawab bagi operasi atau pengurusan kewangan seseorang pemohon, perbadanan tersenarai atau perbadanan yang berhubungan dengannya, walau apapun gelarannya; dan<br><br>(b) berhubung dengan Bursa atau Syarikat Pemegangan Bursa, mempunyai erti yang diberikan dalam seksyen 2 Akta Syarikat. |
| Senarai Rasmi | ertinya suatu senarai yang menyatakan semua sekuriti yang telah diterima masuk untuk penyenaraian dalam Pasaran ACE dan tidak dikeluarkan. |
| opsyen | termasuk opsyen di bawah suatu skim syer untuk pekerja, sekuriti boleh tukar dan apa-apa jenis opsyen lain berkenaan dengan sekuriti sesuatu perbadanan yang telah diterbitkan atau yang belum diterbitkan. |
| Organisasi Peserta | ertinya syarikat yang menjalankan urusan perniagaan dalam sekuriti dan pada masa ini diiktiraf sebagai suatu Organisasi Peserta menurut Kaedah-kaedah Bursa. |
| rakan kongsi | berhubung mana-mana orang (dirujuk sebagai "**Orang tersebut**"), ertinya orang yang tergolong dalam mana-mana satu daripada kategori yang berikut:<br><br>(a) orang yang dengannya Orang tersebut, terlibat atau bercadang untuk mengadakan perkongsian. "**Perkongsian**" bagi maksud ini merujuk kepada suatu "**perkongsian**" sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 3 Akta Perkongsian 1961 atau "**perkongsian liabiliti terhad**" sebagaimana ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau<br><br>(b) orang yang dengannya Orang tersebut telah membuat atau bercadang untuk membuat usaha sama, sama ada usaha sama itu telah diperbadankan atau tidak. |
| orang | termasuk kumpulan orang, sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan (termasuk suatu amanah). |

| | |
|---|---|
| orang yang berhubungan | berhubung dengan mana-mana orang (dirujuk sebagai "**Orang tersebut**") ertinya orang yang tergolong di bawah mana-mana satu daripada kategori yang berikut:<br><br>(a) anggota keluarga Orang tersebut;<br><br>(b) pemegang amanah suatu amanah (selain pemegang amanah baig skim syer untuk pekerja atau skim pencen) yang di bawahnya Orang tersebut atau anggota keluarga Orang tersebut, adalah satu-satunya benefisiari;<br><br>(c) rakan kongsi Orang tersebut;<br><br>(d) seseorang, atau jika pihak itu ialah sesuatu pertubuhan perbadanan, pertubuhan perbadanan itu atau pengarahnya, yang pada kebiasaannya atau berkewajipan, sama ada secara formal atau tidak formal, bertindak mengikut arahan, petunjuk atau kemahuan Orang tersebut;<br><br>(e) seseorang, atau jika pihak itu ialah sesuatu pertubuhan perbadanan, pertubuhan perbadanan itu atau pengarahnya, yang mana arahan, petunjuk atau kemahuan mereka Orang tersebut pada kebiasaannya atau berkewajipan, secara formal atau tidak formal, untuk bertindak;<br><br>(f) suatu pertubuhan perbadanan yang padanya Orang tersebut atau orang yang berhubungan dengan Orang tersebut berhak menjalankan, atau mengawal penjalanan, tidak kurang daripada 20% daripada undi yang behubung kait dengan syer mengundi dalam pertubuhan perbadanan itu; atau<br><br>(g) pertubuhan perbadanan yang merupakan perbadanan yang berhubungan dengan Orang tersebut. |
| operasi yang sebahagian besarnya berpusat di negara asing | ertinya keadaan di mana –<br><br>(a) keuntungan selepas cukai perbadanan itu yang diperoleh daripada aset yang dipegang atau operasi yang diadakan di luar Malaysia adalah lebih tinggi daripada keuntungan selepas cukai yang diperoleh daripada aset yang dipegang atau operasi yang diadakan di dalam Malaysia; atau<br><br>(b) majoriti projek infrastruktur perbadanan itu terletak di luar Malaysia. |
| operasi yang sebahagian besarnya berpusat di Malaysia | ertinya keadaan di mana –<br><br>(a) keuntungan selepas cukai perbadanan itu yang diperoleh daripada aset yang dipegang atau operasi yag diadakan di dalam Malaysia adalah lebih tinggi daripada keuntungan selepas cukai yang diperoleh daripada aset yang dipegang atau operasi yang diadakan di luar Malaysia; atau |

(b) majoriti projek infrastruktur perbadanan itu terletak di dalam Malaysia.

| | |
|---|---|
| subsidiari prinsipal | ertinya suatu subsidiari yang menyumbang 25% atau lebih daripada keuntungan selepas cukai atau jumlah aset digunakan perbadanan tersenarai berdasarkan penyata kewangan teraudit perbadanan tersenarai atau penyata kewangan disatukan teraudit perbadanan tersenarai, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang terkini disiarkan atau diumumkan. |
| penganjur | termasuk pemegang syer mengawal, seseorang yang berhubungan dengan seseorang pemegang syer mengawal dan pengarah eksekutif yang merupakan pemegang syer substansial perbadanan tersenarai. |
| perbadanan pembangunan harta tanah | ertinya sesuatu perbadanan yang perniagaan terasnya adalah–<br>(a) pembangunan atau pembangunan semula harta tanah; atau<br>(b) harta tanah yang mempunyai potensi pembangunan,<br>dan termasuk hak-hak untuk pembangunan dalam perjanjian usaha sama, perjanjian penswastaan atau bentuk-bentuk lain pengaturan bersama**.** |
| perbadanan pelaburan harta tanah | ertinya sesuatu perbadanan yang perniagaan terasnya adalah–<br>(a) pemegangan harta tanah atau harta strata dalam sektor-sektor komersial, perumahan, perindustrian atau pertanian (secara keseluruhannya dirujuk sebagai "**harta tanah pelaburan**") untuk disewakan dan disimpan sebagai pelaburan; atau<br>(b) pembelian harta tanah pelaburan untuk jualan kemudian. |
| awam | ertinya semua orang awam tetapi tidak termasuk:-<br>(a) pengarah pemohon atau perbadanan tersenarai dan subsidiarinya;<br>(b) pemegang syer substansial pemohon atau perbadanan tersenarai kecuali jika pemegang syer itu memenuhi kesemua kehendak berikut yag dalam hal yang demikian, pemegang syer itu boleh termasuk sebagai pemegang syer "**awam**":<br>(i) kepentingan pemegang syer tersebut, secara langung atau tidak langsung, tidak melebihi 15% daripada jumlah bilangan syer pemohon atau perbadanan tersenarai;<br>(ii) pemegang syer itu bukan penganjur pemohon atau perbadanan tersenarai; dan |

| | |
|---|---|
| | (iii) pemegang syer itu merupakan -<br><br>(aa) suatu institusi berkanun yang menguruskan dana milik penyumbang atau pelabur yang merupakan orang awam; atau<br><br>(bb) suatu entiti yang ditubuhkan sebagai suatu skim pelaburan kolektif, seperti dana tertutup, unit amanah atau dana pelaburan (tetapi tidak termasuk syarikat pemegangan pelaburan); dan<br><br>(c) sekutu pengarah atau pemegang syer substansial pemohon atau perbadanan tersenarai.<br><br>Bagi mengelakkan keraguan, pemegang syer “**awam**” juga tidak termasuk seseorang yang memegang atau memperoleh syer melalui cara artifisial. Ini termasuk, sebagai contoh, memberikan syer secara percuma atau syer sebagai hadiah, atau memberikan bantuan kewangan atau pinjaman untuk memperoleh syer kepada penama pengarah atau pemegang syer substansial. |
| harta tanah | ertinya tanah dan semua benda yang merupakan bahagian semulajadi tanah itu serta benda yang terpaut pada tanah itu di bawah dan di atas tanah, dan termasuk hak, kepentingan dan manfaat berkaitan dengan pemilikan harta tanah. |
| Bursa Saham yang Diiktiraf | ertinya –<br><br>(a) pertubuhan perbadanan yang diluluskan oleh Menteri di bawah seksyen 8(2) CMSA; atau<br><br>(b) bursa saham asing yang diisytiharkan Bursa sebagai bursa saham yang diiktiraf. |
| Rekod Pendeposit-Pendeposit | ertinya rekod yang disediakan oleh Depositori kepada perbadanan tersenarai bawah Bab 24.0 Kaedah-kaedah Depositori. |
| daftar | ertinya daftar anggota yang disimpan menurut Akta Syarikat. |
| Daftar Penaja | ertinya suatu daftar yang dikendalikan oleh Bursa untuk Pasaran ACE yang menyebut semua orang yang telah diluluskan untuk bertindak sebagai Penaja oleh Bursa menurut Bab 4 Kehendak-kehendak ini dan kelulusan tersebut tidak ditarik balik atau digantungkan. |
| perbadanan yang berhubungan | ertinya sesuatu perbadanan yang merupakan –<br><br>(a) syarikat pemegangan perbadanan yang lain;<br><br>(b) subsidiari perbadanan yang lain; atau<br><br>(c) subsidiari syarikat pemegangan perbadanan yang lain. |

| | |
|---|---|
| pihak yang berkaitan | ertinya pengarah, pemegang syer utama atau orang yang berhubungan dengan pengarah atau pemegang syer utama itu. Bagi maksud takrifan ini, "**pengarah**" dan "**pemegang syer utama**" mempunyai erti yang diberikan dalam Kaedah 10.02 Kehendak-kehendak ini. |
| akauntan pelapor | ertinya firma akauntan awam yang merupakan juruaudit yang berdaftar dengan Lembaga Pemantauan Audit dan pendaftarannya tidak digantung. |
| tawaran terhad untuk jualan | ertinya suatu pelawaan kepada suatu kumpulan pelabur tertentu oleh, atau bagi pihak pemegang sekuriti sedia ada, untuk membeli sekuriti dalam perbadanan yang telah diterbitkan atau diumpukkan. |
| tawaran terhad bagi langganan | ertinya suatu pelawaan kepada suatu kumpulan pelabur tertentu oleh, atau bagi pihak sesuatu perbadanan, untuk melanggan sekuriti dalam perbadanan yang belum diterbitkan atau diumpukkan. |
| RM dan sen | masing-masing ertinya Ringgit Malaysia dan sen. |
| Kaedah-kaedah Depositori | ertinya Kaedah-kaedah Bursa Malaysia Depository Sdn. Bhd., termasuk apa-apa pindaan yang dibuat dari semasa ke semasa. |
| Kaedah-kaedah Bursa | ertinya Kaedah-kaedah Bursa Malaysia Securities Berhad termasuk apa-apa pindaan yang dibuat dari semasa ke semasa. |
| Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) | ertinya Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang ditubuhkan bawah seksyen 3 Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993. |
| Garis Panduan Ekuiti SC | termasuk apa-apa dokumen lain yang dikeluarkan oleh SC berhubung dengan Garis Panduan itu. |
| sekuriti | mempunyai erti yang diberikan dalam seksyen 2(1) CMSA. |
| akaun sekuriti | ertinya suatu akaun yang diwujudkan oleh Depositori bagi seseorang pendeposit untuk merekodkan deposit sekuriti dan untuk urus niaga sekuriti itu oleh pendeposit. |
| undang-undang sekuriti | ertinya -<br><br>(a) Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993;<br><br>(b) CMSA;<br><br>(c) Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991;<br><br>(d) apa-apa undang-undang lain yang mana SC diberi kuasa untuk mentadbir atau menguatkuasakan; dan<br><br>(e) apa-apa peraturan, kaedah, perintah, pemberitahuan atau perundangan subsidiari lain yang dibuat bawah sub-Kaedah (a), (b), (c) dan (d) di atas; atau |

| | |
|---|---|
| | dalam hal perbadanan asing, ertinya sub-Kaedah (a) hingga (e) di atas dan apa-apa undang-undang di luar Malaysia berkenaan pasaran modal. |
| Skim Pemberian Syer | ertinya suatu skim yang melibatkan pemberian syer sedia ada dalam perbadanan tersenarai kepada pekerja. |
| Skim Penerbitan Syer | ertinya suatu skim yang melibatkan penerbitan syer baharu kepada pekerja. |
| perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar | berhubung dengan perbadanan tersenarai ertinya -<br>(a) pemerolehan aset yang mana salah satu nisbah peratusan adalah 100% atau lebih, kecuali jika aset yang hendak diperoleh itu adalah dalam perniagaan yang serupa dengan perniagaan teras perbadanan tersenarai;<br>(b) pemerolehan aset yang mengakibatkan pertukaran pemegang syer mengawal dalam perbadanan tersenarai;<br>(c) pemerolehan aset yang mengakibatkan pertukaran ahli lembaga pengarah perbadanan tersenarai;<br>(d) pemerolehan aset oleh Syarikat Tunai demi memulihkan keadaannya menurut Kaedah 8.03(5)(a); atau<br>(e) penstrukturan semula yang melibatkan pemindahan status penyenaraian perbadanan tersenarai dan kemasukan aset baharu ke dalam perbadanan yang lain.<br>Bagi maksud takrif ini, "**nisbah peratusan**" ertinya angka, diungkap dalam peratusan, yang merupakan hasil setiap perkiraan berikut:<br>(i) nilai aset bersih aset yang hendak diperoleh dibahagi dengan nilai aset bersih perbadanan tersenarai;<br>(ii) hasil yang berkaitan dengan aset yang hendak diperoleh dibahagi dengan hasil perbadanan tersenarai;<br>(iii) keuntungan selepas cukai yang berkaitan dengan aset yang hendak diperoleh dibahagi dengan keuntungan selepas cukai perbadanan tersenarai;<br>(iv) nilai agregat balasan untuk subjek pemerolehan (termasuk amaun yang akan ditanggung oleh pembeli, contohnya liabiliti penjual) dibahagi dengan nilai pasaran agregat kesemua syer biasa perbadanan tersenarai; atau |

| | |
|---|---|
| | (v) jumlah syer baharu yang diterbitkan oleh perbadanan tersenarai sebagai balasan untuk pemerolehan itu dibahagi dengan bilangan syer dalam perbadanan tersenarai yang telah diterbitkan sebelum pemerolehan itu. |
| Penaja | ertinya orang yang didaftarkan dalam Daftar Penaja. |
| Perbadanan Tajaan | ertinya perbadanan tersenarai yang ditaja oleh Penaja dalam Tempoh Tajaan. |
| Tempoh Tajaan | berhubung dengan suatu tajaan ertinya tempoh yang dirujuk dalam Kaedah 3.21(1). |
| tindakan penstabilan | tindakan yang boleh diambil oleh pengurus penstabilan bawah Peraturan-peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Mekanisme Penstabilan Harga) 2008 semata-mata untuk tujuan mengelakkan atau mengurangkan sebarang penurunan harga pasaran sekuriti yang tersenarai dalam Senarai Rasmi. |
| pengurus penstabilan | ertinya seseorang yang dilantik di bawah Peraturan-peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Mekanisme Penstabilan Harga) 2008 untuk melaksanakan tindakan penstabilan bagi pihak perbadanan tersenarai. |
| pemegang syer substansial | mempunyai erti yang diberikan dalam seksyen 136 Akta Syarikat. |
| Kod Pengambilalihan dan Percantuman | ertinya Kod Pengambilalihan dan Percantuman Malaysia 2016 dibaca bersama Kaedah-Kaedah Mengenai Pengambilalihan, Percantuman dan Pemerolehan Wajib, termasuk apa-apa pindaan yang dibuat dari semasa ke semasa. |
| Kehendak-kehendak ini | ertinya Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Berhad, termasuk apa-apa pindaan yang dibuat dari semasa ke semasa. |
| syer perbendaharaan | mempunyai erti yang diberikan dalam seksyen 127(4)(b) Akta Syarikat. |

## BAHAGIAN B – TAFSIRAN

### 1.02 Tafsiran

(1) Melainkan ditakrifkan dengan erti lain dalam Kehendak-kehendak ini atau melainkan jika konteksnya menghendaki erti yang lain, perkataan atau ungkapan yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat, apabila digunakan dalam Kehendak-kehendak ini, mempunyai erti yang sama seperti dalam Akta Syarikat.

(2) Selain daripada perkara di atas, terma dan ungkapan-ungkapan tertentu yang lain juga telah ditakrifkan dalam Bab masing-masing. Takrifan itu hanya terpakai dalam Bab berkenaan yang mengandunginya.

(3) Terma dan ungkapan yang ditakrifkan dalam Kaedah 1.01 juga terpakai dalam mana-mana Nota Panduan, melainkan jika ditakrifkan dengan erti lain dalam Nota Panduan itu.

(4) Jika sesuatu tindakan dikehendaki untuk dilakukan dalam bilangan “hari pasaran penuh” yang ditetapkan sebelum atau selepas suatu tarikh tertentu, sekurang-kurangnya bilangan hari pasaran tersebut mesti berlalu antara hari apabila tindakan itu dilakukan dan tarikh itu.

(5) Melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, jika sekuriti disenaraikan dan disebut harga dalam mata wang asing, rujukan kepada Ringgit berhubung dengan sekuriti tersenarai itu hendak diubah suai supaya mempunyai erti nilai yang setara dalam matawang asing.

**1.03 Kuasa sampingan dsb Bursa**

Jika mana-mana peruntukan Kehendak-kehendak ini memberikan kuasa, membenarkan atau membolehkan Bursa untuk melakukan atau menguatkuasakan pelakuan apa-apa perbuatan atau perkara, Bursa mempunyai semua kuasa-kuasa sedemikian atau hak-hak yang perlu atau yang semunasabahnya boleh dianggap bersampingan untuk Bursa melakukan atau menguatkuasakan pelakuan perbuatan atau perkara itu.

**1.04 Jantina**

Melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, perkataan yang memberi maksud mana-mana jantina termasuk kesemua jantina.

**1.05 Tunggal dan jamak**

Melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, perkataan yang memberi maksud bilangan tunggal termasuk bilangan jamak dan begitu juga sebaliknya.

**1.06 Tajuk**

Tajuk dan sub-tajuk dalam Kehendak-kehendak ini dimasukkan untuk kemudahan rujukan sahaja.

**1.07 Lampiran**

(1) Lampiran hendaklah dianggap, dibaca dan ditafsirkan sebagai bahagian penting kepada Kehendak-kehendak ini.

(2) Lampiran yang berbentuk borang tidak akan dicetak dan disediakan oleh Bursa. Pemohon dan perbadanan tersenarai dikehendaki mengemukakan borang mereka sendiri yang mematuhi sepenuhnya Lampiran yang berkaitan.

**1.08 Jadual**

Jadual hendaklah dianggap, dibaca dan ditafsirkan sebagai bahagian penting kepada Kehendak-kehendak ini.

**1.09 Rujukan**

(1) Rujukan kepada Kaedah, Bahagian dan Bab, melainkan jika dinyatakan selainnya,ndaklah ditafsirkan sebagai rujukan kepada Kaedah, Bahagian dan Bab dalam Kehendak-kehendak ini.

(2) Rujukan kepada Lampiran dan Jadual, melainkan jika dinyatakan selainnya, hendaklah ditafsirkan sebagai rujukan kepada Lampiran dan Jadual dalam Kehendak-kehendak ini.

(3) Rujukan kepada peruntukan statut dan perundangan subsidiari termasuk apa-apa peruntukan tersebut sebagaimana dipinda atau digubal semula dari semasa ke semasa.

(4) Rujukan kepada statut dan perundangan subsidiari termasuk apa-apa penggabungan, penggantian atau semakannya.

[Bab tamat]